

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA
PENYAMPAIAN HADIAH JAGUH SUKAN
KEBANGSAAN TAHUN 1970, DI LAKE CLUB,
KUALA LUMPUR PADA 21^{HB} OGOS, 1971

Y.B. Datuk Hamzah, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya sukacita dapat hadir bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada majlis ini untuk memberi penghormatan kepada olahragawan-olahragawan dan olahragawati-olahragawati kita yang telah berjaya mencapai taraf yang cemerlang di dalam lapangan masing-masing pada tahun 1970.

Kepada kedua-dua pemenang Hadiah Olahragawan dan Olehragawati Kebangsaan Tahun 1970, saya terlebih dahulu menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan mereka itu. Kejayaan yang cemerlang ini merupakan mercu kejayaan yang tuan dan puan telah capai di lapangan sukan dan kami sama-sama merasa bangga kerana mendapat kesempatan memberi penghormatan kepada tuan dan puan yang sudah sememangnya berhak menerimanya.

Kepada olahragawan dan olahragawati yang tidak berjaya menganggi hadiah ini, saya berharap semoga janganlah mereka berputusasa tetapi hendaklah bergiat terus di lapangan masing-masing kerana saya sedar bahawa terdapat beberapa orang olahragawan dan olahragawati kita yang meninggalkan lapangan sukan sebelum mereka mencapai puncak kejayaan.

Hakikat bahawa tuan-tuan dan puan-puan telahpun terpilih sebagai olahragawan yang terbaik dalam lapangan masing-masing adalah satu hal yang patut dibanggakan. Tetapi tidaklah patut tuan-tuan dan puan-puan berhenti di situ; sebaliknya, tuan-tuan dan puan-puan harus mempunyai semangat yang lebih gigih lagi untuk mencapai taraf yang lebih tinggi dari tingkatan sekarang ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sedar bahawa tuan-tuan dan puan-puan sudah tentulah tidak sabar lagi hendak mengetahui tentang pemenang-pemenang hadiah ini. Oleh itu, saya tidaklah bercadang untuk melambatkan pengumuman nama kedua-dua pemenang itu.

Walau bagaimanapun, saya ingin juga menyebut tentang dasar Kerajaan mengenai sukan dan perlunya menyusun semula rancangan-rancangan sukan di negara ini sekiranya kita hendak mencapai mutu dan taraf yang lebih tinggi. Sungguhpun taraf sukan kita tidaklah merusut tetapi kita tidak akan meningkat maju berbanding dengan negara-negara jiran kita yang terus mara ke hadapan di lapangan sukan. Barangkali kita tanyakan diri sendiri apakah faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini.

Pada fikiran saya, ini adalah disebabkan oleh beberapa kekurangan yang terdapat di dalam usaha untuk merancang kemajuan sukan di negara kita. Tidaklah dapat dinafikan bahawa pentadbiran penyusunan dan usaha-usaha memperkembangkan sukan belum begitu teratur di semua peringkat. Oleh kerana tidak ada penyelarasan dan programme yang tersusun baik, performance kita dalam pertandingan-pertandingan antara bangsa pada masa ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari peminat-peminatnya.

Sukan mempunyai peranan yang penting dan hendaklah dianggap sebagai "serious business". Dari itu, patutlah kita betul-betul business-like supaya memperoleh hasil-hasil yang di cita-cita. Kita semestinya bekerja keras dari sekarang untuk maju ke hadapan memperkembangkan semua lapangan sukan di Malaysia supaya mengatasi keadaan statik seperti yang terdapat dewasa ini.

Dengan harapan yang besar itulah Kerajaan akan memberi sepenuh-penuh sokongan terhadap penubuhan Majlis Sukan Negara sepertimana yang telah disebutkan oleh Datuk Hamzah sebentar tadi. Apa yang saya kehendaki ialah Majlis Sukan Negara itu akan mencerminkan hasrat dan minat Kerajaan terhadap perkembangan dan kemajuan sukan di negara kita.

Saya berpuas hati bahawa Bahagian Sukan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang di susun semula. Saya sedar masaalah-masaalah yang dihadapi oleh Kementerian itu dalam masa beberapa tahun ini kerana hanya ada seorang pegawai sahaja di Bahagian Sukan. Saya yakin apabila penyusunan semula ini selesai, Bahagian ini dapat memainkan peranan yang lebih dinamis lagi di dalam usaha menggalakkan kemajuan sukan di semua peringkat.

Begitu juga Unit Perubatan Sukan di Kementerian itu sedang diperbesarkan. Ini adalah satu langkah yang tepat kerana di

negara-negara lain di seluruh dunia, olahragawan dan olahragawati dilatih untuk mencapai taraf yang tinggi melalui perubatan sukan dan latihan yang scientific. Saya harap Unit Perubatan Sukan ini akan berusaha meninggikan taraf sukan kita sekurang-kurangnya dapat setanding dengan negara-negara jiran kita.

Tuan-tuah dan Puan-puan,

Di samping meninggikan prestige dan image negara hasil dari kejayaan-kejayaan olahragawan dan olahragawati, pertukaran lawatan-lawatan di bidang sukan mempererat tali persahabatan antara bangsa dan memupuk perasaan muhibbah yang berkekalan. Bagaimanapun, adalah lebih penting kita menanamkan semangat muhibbah dan perpaduan di kalangan rakyat kita yang berbilang kaum. Usaha untuk mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan perpaduan boleh dijayakan menerusi sukan. Dalam hubungan ini, saya berseru kepada badan-badan sukan di negara ini supaya membuka pintu mereka kepada semua supaya ahli-ahlinya tidak hanya terhad kepada satu kaum sahaja. Harapan saya ialah supaya persahabatan baru dapat dipupuk dan yang lama dipereratkan melalui sukan. Dengan cara ini kita dan jenerasi-jenerasi muda akan berfikir, bertindak dan hidup sebagai satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya ingin menyatakan ucapan terima kasih kepada Rothmans of Pall Mall iaitu Penaja Hadiah Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan ini, yang telah memberikan sumbangan yang besar untuk menggalakkan perkembangan sukan. Saya sukalah merayu kepada pihak-pihak swasta yang lain supaya tampil ke hadapan membantu Kerajaan seberapa yang boleh bagi kepentingan kemajuan sukan dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya ingin menegaskan bahawa pertumbuhan-pertumbuhan sukan kita hendaklah memikul tanggungjawab mewujudkan image yang baik melalui sukan, istimewa dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa dan saya berharap tuan-tuan dan puan akan berbuat sedaya upaya mengekalkan image itu.

Sekian, terima kasih.